Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 8 – 10 JUN 2021**

**BIL. 14 / 2021**

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 10 Jun 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 556,030** atau 86.9 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **79,848 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **5,671 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **639,562 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **5,663 kes** daripada catatan harian dengan **86.2 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 8 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 43.2 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (19.4 peratus), Zon Selatan (17.2 peratus), Zon Utara (11.9 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.3 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** dengan **1,510 kes** disusuli Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (769 kes), Sarawak (631 kes), Negeri Sembilan (593 kes), Johor (524 kes) dan Kedah (309 kes). Sejumlah **3,684 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **73 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **126 kes** yang dicatatkan pada 2 Jun 2021.

1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 9 Jun 2021 menunjukkan seramai **2,724,048** telah **divaksinasi**. Diperingkat negeri, **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **463,878** diikuti Selangor dengan 398,733. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (261,225), Johor (251,726), Perak (216,548), Sabah (204,076), Kedah (182,683) manakala Kelantan dan Pahang masing-masing merekodkan 137,088 dan 135,641. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **3,944,987 meliputi 2,724,048** penerima bagi **dos pertama** manakala **1,220,939** telah menerima **dos yang kedua**.

1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- US: **Pesanan barangan sektor pembuatan rendah daripada yang dijangkakan**. Laporan yang dikeluarkan oleh Commerce Department menunjukkan jumlah pesanan baharu US merosot -0.6% pada bulan April 2021 setelah melonjak naik 1.4% pada bulan Mac 2021. Penurunan pesanan dikilang yang lebih besar daripada yang dijangkakan disebabkan oleh kejatuhan pesanan untuk barang tahan lama sebanyak -1.3%. Sementara itu, pesanan baharu untuk barang yang tidak tahan lama meningkat 0.1% pada bulan April 2021 setelah merekodkan 1.6% pada bulan Mac 2021. (RTT)

- US: **Guna Tenaga US melonjak pada bulan Mei 2021 tetapi lebih rendah dari yang dianggarkan**. Labor Department melaporkan jumlah gaji & upah Guna Tenaga bukan sektor perladangan melonjak sebanyak 559,000 pada Mei 2021 setelah meningkat 278,000 pada bulan April 2021. Penganalisis ekonomi menjangkakan pekerjaan akan meningkat sebanyak 650,000 pekerjaan. Guna tenaga di sektor rekreasi dan perhotelan menunjukkan peningkatan ketara dengan jumlah tambahan sebanyak 292,000 pekerjaan pada bulan rujukan. (RTT)

- EU: **Keyakinan pelabur meningkat ke tahap tertinggi sejak Februari 2018.** Keyakinan pelabur di EU meningkat untuk bulan keempat berturut-turut pada bulan Jun 2021, iaitu peningkatan tertinggi sejak Februari 2018. Peningkatan ini didorong oleh pembukaan kembali restoran dan pelancongan setelah ditutup akibat pandemik COVID-19. Indeks Sentix EU meningkat kepada 28.1 dari 21.0 pada bulan Mei 2021. Tinjauan turut menunjukkan bacaan indeks semasa melonjak ke 21.3 daripada 6.3. Indeks jangkaan menurun kepada 35.3 daripada 36.8 pada bulan sebelumnya. EU dilihat dalam proses pemulihan daripada pandemik COVID-19. (RTT)

- EU: **Pesanan barangan sektor pembuatan Germany turun akibat kekurangan input bekalan**. Industri Germany menunjukkan penurunan dalam permintaan pada bulan April 2021, didiorong oleh kekurangan bekalan dan harga yang lebih tinggi. Pesanan turun -0.2%, berbanding jangkaan kenaikan 0.5%. Economy Ministry menyatakan kelembapan ini disebabkan oleh permintaan domestik yang lebih rendah. Pesanan dari luaran meningkat 2.7% dari bulan sebelumnya. Pembuatan merupakan sektor penting ekonomi di Eropah sejak beberapa bulan kebelakangan ini kesan dari pemulihan awal di negara-negara utama seperti China dan US. (Bloomberg)

- UK: **Sentimen pengguna meningkat ke paras tertinggi 5 tahun.** Sentimen pengguna UK meningkat bulan lalu ke tahap tertinggi sejak April 2016, disokong oleh jangkaan keselamatan pekerjaan yang lebih tinggi

dan pemulihan harga rumah. Tinjauan YouGov/Cebr menunjukkan tanda pemulihan pesat dalam ekonomi UK pada suku kedua apabila sekatan pergerakan telah dilonggarkan terutama bagi subsektor peruncitan, pub dan restoran. Penganalisis ekonomi menjangkakan KDNK UK bagi bulan April 2021 meningkat 2.2% (bulan ke bulan) dan pada kadar 27.6% tahun ke tahun. (Reuters)

- US: **Penawaran pekerjaan melonjak ke paras tertinggi** pada April 2021. Labour Department melaporkan jumlah pekerjaan baharu yang ditawarkan meningkat sebanyak 998,000 kepada 9.3 juta pada akhir April 2021. Peningkatan ini adalah tertinggi sejak siri ini bermula pada Disember 2000. Pengambilan pekerja meningkat sedikit kepada 6.1 juta pada bulan April daripada 6.0 juta pada bulan sebelumnya. Kerajaan US melaporkan bahawa pertumbuhan pekerjaan meningkat pada bulan Mei sejajar dengan kenaikan gaji yang ditawarkan oleh majikan. (Reuters)

- US: **Defisit perdagangan mengecil pada bulan April 2021** apabila import berkurangan. Dengan sekurang-kurangnya separuh daripada penduduk US telah divaksin, sekatan pergerakan di seluruh US telah dilonggarkan dan seterusnya meningkatkan permintaan ke atas sektor perkhidmatan seperti pelancongan. (Reuters)

- EU: **KDNK EU turun lebih perlahan daripada yang dianggarkan** pada ST1 2021. Ekonomi EU menyusut -0.3% pada ST1 2021, setelah mengalami penurunan -0.6% pada ST4 2020. Penurunan untuk ST1 2021 disemak semula dari -0.6%. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, KDNK Euro menyusut -1.8%. Perbelanjaan isi rumah turun -2.3% suku tahun ke suku tahun dan perbelanjaan kerajaan kekal tidak berubah pada suku pertama. Sementara itu, pembentukan modal tetap kasar meningkat 0.2% (suku tahun ke suku tahun). (RTT)

- EU: **Pengeluaran Industri Germany turun pada bulan April 2021**. Destatis mendedahkan bahawa output industri turun -1% pada asas perbandingan bulan ke bulan pada April 2021. Penurunan ini dicatatkan setelah output industri Germany mencatatkan kenaikan 2.2% pada bulan Mac 2021. Penganalisis ekonomi telah mengunjurkan kenaikan 0.5%. Berdasarkan asas tahunan, pertumbuhan pengeluaran perindustrian melonjak kepada 26.4%. (RTT)

- UK: **Jualan runcit UK meningkat pada bulan Mei 2021**. Jualan runcit UK meningkat pada Mei 2021, didorong oleh kelonggaran sekatan pergerakan pandemik COVID-19. Data yang dikeluarkan oleh British Retail Consortium (BRC) menunjukkan, jumlah jualan meningkat 10% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021. (RTT)

- CHINA: **Perdagangan terus meningkat pada bulan Mei 2021**. Peningkatan Eksport ini didorong oleh permintaan global yang kuat setelah lebih banyak ekonomi di seluruh dunia dibuka. Import meningkat, didorong oleh kenaikan harga komoditi manakala eksport meningkat hampir 28% dalam nilaian dolar US pada bulan Mei 2021 dari tahun sebelumnya. Import melonjak 51.1%, kadar terpantas sejak Mac 2010, menjadikan lebihan perdagangan USD45.5 bilion untuk bulan tersebut. Permintaan luar negara untuk barangan China kekal mengukuh. (Bloomberg)

- JAPAN**: Indeks Serentak meningkat pada bulan April 2021**, walaupun langkah-langkah untuk mengekang jangkitan COVID-19 membebani aktiviti ekonomi. Indeks Serentak yang terdiri daripada pelbagai data termasuk output pembuatan, pekerjaan dan penjualan runcit, meningkat 2.6 mata dari bulan sebelumnya kepada 95.5 pada bulan April 2021. (Reuters)

- TAIWAN: **Inflasi meningkat lebih dari yang dijangkakan pada bulan Mei 2021**. Inflasi harga pengguna Taiwan meningkat lebih dari yang dijangkakan pada bulan Mei 2021, didorong oleh harga bahan bakar yang lebih tinggi. Directorate General of Budget, Accounting & Statistics melaporkan harga pengguna meningkat 2.48% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021, lebih tinggi daripada kenaikan 2.1% yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini lebih tinggi daripada kenaikan 2.2% yang dijangkakan oleh penganalisis ekonomi. Pertumbuhan ini adalah kadar terpantas sejak Februari 2013, ketika harga naik 2.97%. Indeks untuk bahan bakar dan pelincir melonjak 43.9% kerana asas perbandingan yang lebih rendah manakala indeks untuk kos pengangkutan meningkat 15.6%. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

2.1. ***Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)*** menyatakan bahawa **KDNK Malaysia dijangka bertumbuh** pada kadar **5.3%** pada tahun **2021** dan **disokong** oleh **program vaksinasi** yang sedang dilaksanakan di mana dijangkakan 60% daripada penduduk Malaysia akan selesai divaksin. Pertumbuhan ekonomi **Asia Tenggara** dijangka **berkembang 4.8%** pada tahun **2021.**

2.2. Permintaan **perjalanan domestik bertambah baik pada April 2021 berbanding bulan sebelumnya** tetapi tetap jauh di bawah tahap pra-pandemik. Sementara itu, **penurunan** dalam permintaan **penumpang antarabangsa** pada bulan **April** adalah **87.3%** berbanding April 2019, hampir tidak berubah dari penurunan 87.8% yang dicatatkan pada bulan Mac 2021 berbanding dua tahun yang lalu. Kebanyakkan **Polisi negara luar masih menutup sempadan negara** walaupun terdapat data yang mencukupi bagi pengurusan risiko Covid-19.

2.3. **Kementerian Kewangan** akan melaksanakan **pembayaran tanpa tunai untuk semua perkhidmatan kerajaan bermula 2022**. Ia adalah satu inisiatif negara yang melambangkan aspirasi kerajaan untuk mentransformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacukan teknologi dan pendigitalan selain berupaya menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital.

2.4. **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)** bersetuju **menambah baik syarat** kelayakan bagi memastikan **syarikat pengendali pelancongan** yang **layak menerima bantuan khas RM3,000** bagi membantu meringankan beban syarikat yang terkesan dengan COVID-19. Bantuan khas menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (**PEMERKASA**) ini telah memberi **manfaat** kepada **2,568 syarikat pengendali pelancongan** membabitkan bantuan berjumlah **RM7.70 juta.**

2.5. **Harga minyak sawit mentah (MSM**) mencecah paras **tertinggi RM4,704 satu tan** pada ketika ini. Peningkatan harga komoditi itu berlaku ketika persekitaran inventori minyak tersebut di peringkat global yang rendah.

2.6. **MSM Prai Bhd (MSM Prai)**, anak syarikat milik penuh MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) akan **mengimport gula** bagi menampung permintaan pasaran ketika ini. Langkah itu terpaksa diambil **selepas** kumpulan **menghentikan sementara operasi pengeluaran gulanya di Seberang Prai**, Pulau Pinang bermula **8** Jun **sehingga 17 Jun** ini. Kilang gula itu akan

ditutup bagi membolehkan pembasmian kuman dilakukan bagi membendung penyebaran COVID-19 demi kesihatan, kesejahteraan dan keselamatan pekerja serta penduduk setempat.

2.7. **AT&S** pemimpin pembuatan global papan litar bercetak mewah (**PCB**) dan substrat litar bersepadu (**IC**) yang bermarkas di **Austria**, telah **memilih Malaysia** sebagai **kilang pengeluaran pertamanya di Asia Tenggara**. Kemudahan baru AT&S di Kulim Hi-Tech Park, Kedah melibatkan **jumlah pelaburan** yang dicadangkan sebanyak **RM8.5 bilion (1.7 bilion euro)** dan akan mewujudkan **5,000 pekerjaan** berteknologi tinggi dan berimpak tinggi.

2.8. Pendapatan **Top Glove Corporation Bhd** bagi tahun **kewangan 2021 melonjak** kepada **RM14.29 bilion, meningkat 246%** berbanding **9 bulan** tahun kewangan **2020** iaitu sebanyak **RM4.13 bilion**.

2.9. Pencapaian jualan **Perodua 2021** lebih sesuai **dibandingkan** dengan prestasi **2019**, dengan Perodua menjual **105,745 unit** dalam 5 bulan pertama tahun berkenaan, iaitu **8.9% lebih tinggi berbanding tempoh sama tahun ini**.

2.10. Jumlah **penumpang Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) kurang** berbanding **hari biasa iaitu antara 5% ke 10%.** Bagi pengangkutan awam, hanya 50 peratus sahaja penumpang dibenarkan berada dalam setiap gerabak.

2.11. ***SME Association of Malaysia*** **mencadangkan 6 bulan moratorium pinjaman secara automatik tanpa faedah dan syarat diperluaskan kepada semua peminjam**. Dengan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (PKP) penuh, sekurang-kurangnya 40 peratus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dijangka menutup operasi. Ramai pekerja akan diberhentikan dalam beberapa bulan ke hadapan, terutamanya pada Jun dan Julai. Cadangan tersebut adalah bagi meringankan beban perniagaan bagi urusan pembayaran sewa, gaji pekerja, bil utiliti dan sebagainya.

2.12. **Kerajaan akan memulakan program vaksinasi kepada sektor ekonomi kritikal**, **terutamanya yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0**. Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta pelbagai agensi bagi pelaksanaan Fasa 4. Sektor terlibat merangkumi pembuatan, eksport, logistik, pengangkutan, tenaga, utiliti dan industri berkaitan yang lain.

2.13. **Malayan Banking Bhd (Maybank) melanjutkan pakej bantuan bayaran balik kepada pelanggan yang terjejas** dengan pelaksanaan PKP dan

impak COVID-19. **Pakej termasuk meliputi moratorium selama 3 bulan atau 50 peratus pengurangan bayaran balik selama 6 bulan**. Pakej ini layak kepada semua pelanggan B40 yang berdaftar di bawah program Bantuan Sara Hidup (BSH)/ Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) (sama ada telah kehilangan pekerjaan) dan pelanggan yang telah kehilangan pekerjaan kesan daripada pandemik.

2.14. Sejumlah RM5.08 bilion telah dan akan disalurkan kepada hampir 1 juta PKS di bawah Geran Khas Prihatin (GKP). Di bawah **PEMERKASA**, kerajaan menyatakan **pemberian GKP 3.0 iaitu RM1,000 kepada lebih 1 juta peniaga mikro** untuk menjamin kelangsungan perniagaan dan bagi menguruskan aliran tunai. **Tambahan RM500 di bawah PEMERKASA Plus** dan peningkatan kepada RM1,500 buat setiap PKS mikro bagi membantu mereka yang terkesan dengan PKP 3.0. **Jumlah pembayaran GKP 3.0 ialah RM1.5 bilion**.

2.15. **Subsidi hanya diberikan kepada minyak masak yang dipek dalam bungkusan polibeg 1kg** dan ditawarkan kepada pengguna pada harga mampu milik iaitu RM2.50 sepaket walaupun harga minyak masak mentah (CPO) di pasaran dunia meningkat pada masa ini. **Minyak masak yang dijual dalam botol plastik** bersaiz 2kg, 3kg, 5kg dan dalam tin 17kg adalah **tidak bersubsidi di mana harganya ditentukan oleh harga CPO di pasaran dunia**. Harga CPO di pasaran dunia sudah mencecah lebih RM4,500 tan metrik berbanding sebelum ini kira-kira RM2,500 tan metrik sahaja yang bersamaan RM4.50 per kg sebelum diproses dan dibotolkan.

2.16. **KPDNHEP akan mengenakan harga kawalan atau harga maksimum jika didapati harga sesuatu barangan melonjak kepada paras tidak munasabah**, sama seperti Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), yang mana KPDNHEP menjangka permintaan barangan tertentu akan meningkat seperti yang biasa berlaku dalam pasaran bebas.

2.17. **MyProperty melaporkan jualan kediaman pembangunan baharu dan subjualan di kawasan Lembah Klang** masing-masing **mencatatkan penurunan sebanyak 64.9 peratus dan 41.1 peratus pada tahun 2020**. Sektor hartanah tidak mengalami pemulihan ekonomi yang signifikan sejak wabak pertama COVID-19. Kenaikan kos yang ditanggung oleh pemaju disebabkan pandemik dan gangguan dalam rantaian bekalan bahan binaan.

2.18. Kerajaan akan mendapatkan **bantuan pesara doktor dan pesara jururawat serta doktor pelatih atau pelajar perubatan** bagi menambah petugas **membantu vaksinasi COVID-19**.

2.19. Golongan **pekebun durian terpaksa berhadapan situasi sukar kerana jualan berkurangan** dan terpaksa menyerap kerugian kerana buah tidak laku.

2.20. Kenaikan harga minyak masak yang terlalu tinggi di pasaran bukan jaminan peningkatan pendapatan langsung kepada golongan peneroka. Walaupun **harga sawit agak baik ketika ini namun tidak semua peneroka memperoleh pendapatan maksimum setiap bulan lebih-lebih lagi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.** Masalah kekurangan tenaga buruh antara faktor hasil tidak dapat dituai sepenuhnya sekali gus memberi kesan kepada pendapatan peneroka.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Metro**<br>9 Jun 2021<br>(*non-essential*) | **Tak perlu bayar sewa 3 bulan Desa Keluarga**<br><br>Kerajaan Terengganu mengecualikan bayaran sewaan bulanan kediaman Desa Keluarga seliaan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) selama tiga bulan berkuat kuasa pada bulan Jun sehingga Ogos yang melibatkan seramai 830 Ketua Isi Rumah (KIR) di Kuala Terengganu, Dungun dan Kemaman. Jumlah keseluruhan kadar sewaan kediaman Desa Keluarga diseliakan YPKT yang dikecualikan bayaran selama tiga bulan adalah sebanyak RM309,000. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/715642/tak-perlu-bayar-sewa-3-bulan-desa-keluarga |
| 2. | **Sinar Harian**<br>9 Jun 2021<br>(*non-essential*) | **Selangor umum peruntukan RM551.5 juta tangani pandemik**<br><br>Kerajaan Selangor memperuntukan sebanyak RM551.56 juta dalam Pakej Kita Selangor 2.0 bagi membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Pakej bantuan itu berteraskan tiga strategi yang meliputi 26 program dan bakal memanfaatkan sekurang-kurangnya 1.6 juta rakyat. Sebanyak 14 program disediakan sebagai strategi menjaga kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat. Antara bantuan tersebut adalah program bakul makanan, bantuan kewangan kepada keluarga pesakit Covid-19 yang meninggal | https://www.sinarharian.com.my/article/143188/KHAS/Covid-19/Selangor-umum-peruntukan-RM5515-juta-tangani-pandemik |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dunia, bantuan khas orang kurang upaya (OKU) RM500, moratorium usahawan Hijrah Selangor, hotline khusus aduan keganasan rumah tangga, bayaran balik pinjaman bagi graduan 2021 dan program tuisyen rakyat, | |
| 3. | **Sinar Harian**<br>9 Jun 2021<br>(*non-essential*) | **Selangor sedia RM2. 55 juta bantu sektor pelancongan**<br><br>Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menjejaskan sektor pelancongan, sebanyak RM2.55 juta akan diperuntukkan oleh kerajaan negeri Selangor untuk membantu golongan terbabit. Antara bantuan yang akan disalurkan adalah geran bantuan aktiviti pelancongan, baucar pelancongan Selangor 2.0, program latihan pembelajaran pendigitalan serta bantuan kewangan secara 'one-off' kepada Persatuan Pelancongan di Selangor. Sementara itu, bantuan moratorium bayaran pinjaman Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) turut dilaksanakan selama satu setengah bulan kepada 40,000 usahawan yang bakal memberik impak kewangan berjumlah RM11.35 juta. | https://www.sinarharian.com.my/article/143251/BERITA/Nasional/Selangor-sedia-RM2-55-juta-bantu-sektor-pelancongan |
| 4. | **The Star**<br>10 Jun 2021<br>(*Essential*) | **GDP expected to grow 5.3% in 2021, says ICAEW**<br><br>GDP is expected to grow 5.3% by the end of 2021, after having contracted by 5.6% in 2020, says the Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW). | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/06/10/gdp-expected-to-grow-53-in-2021-says-icaew |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | **Berita Harian**<br>10 Jun 2021<br>(*non-essential*) | **MAIPs peruntuk RM7.2 juta bantu asnaf terkesan PKP**<br><br>Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) menyalurkan RM7.2 juta sebagai inisiatif bagi membantu golongan asnaf yang terkesan sepanjang PKP 3.0. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/826085/maips-peruntuk-rm72-juta-bantu-asnaf-terkesan-pkp |
| 6. | **Sinar Harian**<br>10 Jun 2021<br>(*non-essential*) | **Sultan Perak perkenan dana khas bantuan PKP RM14.6 juta**<br><br>Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah memperkenan dana khas bantuan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 berjumlah RM14.6 juta. Bantuan kecemasan kelangsungan hidup berjumlah RM10.9 juta disediakan untuk rakyat yang kehilangan sumber pendapatan. Pembiayaan berjumlah RM1.5 juta turut disediakan bagi bantuan pakej tablet dan data internet. Dana berjumlah RM606,000 disediakan MAIPk bagi tajaan peralatan rawatan dan perubatan. Selain itu, rizab RM200,000 disediakan untuk membiayai belanja vaksinasi manakala selebihnya adalah untuk bantuan-bantuan lain. | https://www.sinarharian.com.my/article/143341/EDISI/Perak/Sultan-Perak-perkenan-dana-khas-bantuan-PKP-RM146-juta |

Penemuan penting & isu:

1. Pengecualian bayaran sewaan bulanan kediaman Desa Keluarga seliaan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) selama tiga bulan berkuat kuasa pada bulan Jun sehingga Ogos yang melibatkan seramai 830 Ketua Isi Rumah (KIR) dengan jumlah sebanyak RM309,000.

2. Pakej Kita Selangor 2.0 merupakan salah satu Langkah proaktif kerajaan negeri bagi membantu golongan yang terkesan akibat penularan pandemic COVID-19 dengan memperuntukkan sebanyak RM551.56 juta. Terdapat 3 teras strategi yang

meliputi 26 program dan bakal memberi manfaat sekurang-kurangnya 1.6 juta rakyat. Antara bantuan tersebut adalah program bakul makanan, bantuan kewangan kepada keluarga pesakit Covid-19 yang meninggal dunia, bantuan khas orang kurang upaya (OKU) RM500, moratorium usahawan Hijrah Selangor dan lain-lain.

3. Sektor pelancongan merupakan sektor yang terjejas sepanjang pelaksanaan PKP. Kerajaan Selangor mengambil inisiatif untuk membantu sektor tersebut dengan memperuntukkan sebanyak RM2.55 juta. Antara bantuan yang akan disalurkan adalah geran bantuan aktiviti pelancongan, baucar pelancongan Selangor 2.0, program latihan pembelajaran pendigitalan serta bantuan kewangan secara 'one-off' kepada Persatuan Pelancongan di Selangor.

4. KDNK Negara dijangka bertumbuh pada kadar 5.3% pada tahun 2021 dan disokong oleh program vaksinasi yang sedang dilaksanakan di mana adalah dijangkakan 60% daripada penduduk Malaysia akan selesai divaksin. Pertumbuhan ekonomi Asia Tenggara dijangka berkembang 4.8% pada tahun 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bantuan insentif yang disalurkan oleh kerajaaan negeri merupakan salah satu langkah membantu rakyat sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Pada ST1 2021, ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan marginal negatif 0.5 peratus.

2. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19 memberi kesan kepada beberapa sektor yang terjejas. Namun langkah proaktif kerajaan negeri dengan menyediakan beberapa bantuan atau pakej rangsangan dijangka dapat membantu golongan tersebut demi kelangsungan hidup.

3. Kerajaan sedang giat melaksanakan program vaksinasi di seluruh negara bagi mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus *herd immunity* menjelang Februari 2022. Kejayaan program vaksinisasi ini adalah antara faktor penting dalam memastikan ekonomi dapat beroperasi dalam norma baharu dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada ST1 2021, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan negatif marginal 0.5 peratus. BNM mengunjurkan bahawa ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 6.0% hingga 7.5 peratus pada tahun 2021.

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Berita Harian**<br>8 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Tree Med bekal kit ujian COVID-19**<br><br>Tree Med Sdn Bhd menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan SelCare Pharmacy Sdn Bhd (SELCARE) bagi menyediakan alat ujian RTK COVID-19. Kerjasama itu merangkumi perjanjian vendor bukan eksklusif dengan pesanan terbaharu sebanyak 175,000 kit ujian COVID-19 yang akan dibekalkan kepada SELCARE.<br><br>Tree Med ketika ini dalam proses menyelesaikan usaha korporatnya dengan Key Alliance Group Bhd (KGroup) bagi membolehkan KGroup memperoleh 30% kepentingannya dengan pertimbangan RM14 juta. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/825617/tree-med-bekal-kit-ujian-covid-19 |
| 2. | **Harian Metro**<br>8Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Transaksi naik lebih 25 peratus**<br><br>Habib Jewels Sdn Bhd menerusi rangkaian Ar Rahnu Expressnya menyaksikan peningkatan lebih 25% pelanggan yang menjual barang kemas mereka bagi memerlukan wang tunai pada masa ini. Semua cawangan Ar Rahnu Express yang beroperasi seperti biasa membolehkan pelanggan melakukan transaksi menjual balik barangan emas lama mereka. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/715205/transaksi-naik-lebih-25-peratus |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Berita Harian**<br>8 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Top Glove terus catat untung luar biasa**<br><br>Top Glove Corporation Bhd (Top Glove) merekodkan keuntungan bersih melebihi lima kali ganda kepada RM2.064 bilion bagi suku ketiga berakhir 31 Mei 2021 daripada RM350 juta yang diraih bagi tempoh sama tahun lalu. Prestasi positif ini dicapai menerusi lonjakan ketara pendapatan jualannya kepada RM4.16 bilion pada suku dikaji, meningkat 147% daripada RM1.69 bilion tahun sebelumnya. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/825844/top-glove-terus-catat-untung-luar-biasa |
| 4. | **Harian Metro**<br>9 Jun 2021<br>(Non-*Essential*) | **Perodua kekalkan sasaran jualan 240,000 unit tahun ini**<br><br>Perodua mengekalkan sasaran jualan sebanyak 240,000 unit bagi 2021 walaupun mengharungi situasi pandemik selain masalah kekurangan semikonduktor. Setakat lima bulan pertama tahun ini Perodua telah menjual 96,281 unit kenderaan. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/715740/perodua-kekalkan-sasaran-jualan-240000-unit-tahun-ini |
| 5. | **Utusan**<br>10 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Pembayaran tanpa tunai untuk semua perkhidmatan kerajaan bermula 2022**<br><br>Kementerian Kewangan menerusi inisiatif MyDigital akan memastikan pembayaran bagi semua perkhidmatan kerajaan dibuat tanpa tunai menjelang 2022. Inisiatif tersebut akan membawa kepada keselamatan transaksi yang lebih tinggi, penyelarasan lebih baik, komunikasi mengenai inisiatif antirasuah dipertingkatkan serta perkongsian maklumat yang lebih | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/06/pembayaran-tanpa-tunai-untuk-semua-perkhidmatan-kerajaan-bermula-2022/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | mudah. Setakat tahun lalu, sebanyak 60% daripada jumlah kutipan bayaran kerajaan adalah melalui e-pembayaran. | |
| 6. | **Kosmo**<br>10 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Bantuan bayaran balik pinjaman Ambank cecah RM15.2 bilion**<br><br>AmBank meningkatkan usaha berterusan dalam menyediakan bantuan kepada pelanggan yang terjejas akibat pelaksanaan PKP penuh 3.0 bagi mengekang jangkitan Covid-19.<br><br>Pihak AmBank mengalu-alukan seruan kerajaan kepada institusi perbankan untuk menyediakan bantuan lanjutan kepada peminjam dan pelanggan yang terjejas. Sehingga 31 Mac 2021, AmBank telah melanjutkan bantuan bayaran balik pinjaman dan pembiayaan berjumlah RM15.2 bilion melibatkan semua segmen pelanggan serta meluluskan hampir 100% permohonan bantuan bayaran balik yang dikemukakan. | https://www.kosmo.com.my/2021/06/10/ambank-perkukuh-bantuan-kewangan-peminjam-terjejas/ |
| 7. | **Malaysia Gazette**<br>10 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Matrade perkenal langkah MDG tambahan untuk bantu PKS**<br><br>Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) mengumumkan inisiatif tambahan di bawah Geran Pembangunan Pasaran (MDG) untuk memastikan pengeksport Malaysia kekal berdaya tahan ketika pandemik COVID-19. | https://malaysiagazette.com/2021/06/10/matrade-perkenal-langkah-mdg-tambahan-untuk-bantu-pks/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan sangat aktif dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka di seluruh dunia menerusi perkongsian dengan pembeli antarabangsa. Bagaimanapun, pandemik telah menjejaskan keteguhan perniagaan PKS dan mengurangkan pertumbuhan eksport. | |
| 8. | **Sarawak Tribune**<br>9 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Banks need to give clear explanation about moratorium to affected M40**<br><br>The Association of Banks in Malaysia (ABM) needs to provide a clear explanation about the moratorium for M40 income earners affected by the movement control order (MCO) 3.0. It is because M40 (middle 40 per cent of household income group), including entrepreneurs and professionals, were becoming more stressed and desperate for help.<br><br>Many are expecting a blanket moratorium as done last year. For micro small and medium enterprises (MSMEs), there's no problem. But for affected M40 income earners, who are struggling financially from lack of income, they can also apply and the banks have assured that they will continue to help. | https://www.newsarawaktribune.com.my/banks-need-to-give-clear-explanation-about-moratorium-to-affected-m40/ |
| 9. | **Utusan**<br>10 Jun 2021<br>(*Essential*) | **AS bakal sumbang 500 juta dos vaksin Pfizer kepada 92 negara**<br><br>Pentadbiran Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden merancang | https://www.utusan.com.my/luar-negara/2021/06/as-bakal-sumbang-500-juta-dos-vaksin- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | untuk menyumbang kira-kira 500 juta dos vaksin Covid-19 keluaran Pfizer kepada hampir 100 negara dalam tempoh dua tahun.AS dijangka menyumbang 200 juta dos pada tahun ini dan 300 juta dos pada separuh pertama tahun depan kepada 92 negara berpendapatan rendah dan Kesatuan Afrika. | pfizer-kepada-92-negara/ |
| 10. | **Awani**<br>9 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Skim Wilayah Bebas Berniaga dilanjut hingga hujung tahun**<br><br>Tempoh lesen percuma melalui Skim Wilayah Bebas Berniaga di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang dijadual tamat 31 Julai hadapan dilanjutkan sehingga akhir tahun ini. Keputusan tersebut dibuat bagi meringankan beban lebih 4,500 penjaja berdaftar di bawah skim tersebut serta memudahkan golongan itu membuat perancangan perniagaan memandangkan negara masih berdepan COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.<br><br>Selain daripada itu, 2,000 peniaga yang masih belum mendapat lesen di bawah skim itu disebabkan tidak memenuhi kriteria seperti aspek pemilihan lokasi digesa untuk segera mendaftar. | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/skim-wilayah-bebas-berniaga-dilanjut-hingga-hujung-tahun-annuar-302414 |
| | **B. Subsektor Kesihatan** | | |
| 11. | **Free Malaysia Today**<br>8 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Hospital swasta mula beri suntikan vaksin COVID-19**<br><br>Beberapa hospital swasta di negara ini sudah mula | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/06/08/hospital- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | memberikan suntikan vaksin COVID-19 kepada orang awam selepas kerajaan bersetuju hospital berkenaan digunakan sebagai pusat vaksinasi dalam fasa kedua dan ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Tiga hospital swasta di Pulau Pinang telah memulakan operasi pemvaksinan mereka hari ini, iaitu Hospital Pantai Pulau Pinang, Hospital Lam Wah Ee (HLWE) dan Hospital KPJ Pulau Pinang dengan sasaran untuk memberikan suntikan vaksin kepada 500 penduduk negeri itu sehari. Selain itu, 12 hospital dan lebih 100 doktor swasta di negeri ini sudah berdaftar dengan ProtectHealth.<br><br>Hospital Pakar CMH di Negeri Sembilan, dipilih sebagai sebuah PPV di Seremban. Hospital ini akan memberikan suntikan 100 dos vaksin sehari. Pusat Perubatan Ar-Ridzuan di Ipoh, Perak mula beroperasi sebagai satu daripada PPV. Proses pemberian vaksin pada hari pertama melibatkan 50 orang penerima fasa kedua terdiri daripada warga emas dan pesakit kronik. Hospital itu mampu melakukan pemvaksinan ke atas 200 orang sehari. | swasta-mula-beri-suntikan-vaksin-covid-19/ |
| 12. | **The Edge Malaysia**<br>9 Jun 2021<br>(*Essential*) | **AIA Malaysia offers two free Covid-19 covers**<br><br>AIA Malaysia has announced that it is offering Malaysians and their families Covid-19 Vaccine Complications Cover and Covid- | https://www.theedgemarkets.com/article/aia-malaysia-offers-two-free-covid19-covers |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 19 Diagnosis Cover at no additional cost. AIA noted that it is currently one of the few insurers and takaful operators in the market to provide medical plans that cover medically necessary hospitalisation due to Covid-19 and vaccine complications in private hospitals. | |
| 13. | **Harian Metro**<br>9 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Sarawak terima 380,000 dos vaksin Sinovac**<br><br>Sarawak dapat melaksanakan program imunisasi Covid-19 secara lebih menyeluruh dengan ketibaan sejumlah 380,000 dos vaksin jenama Sinovac hari ini. Mengulas pembabitan sektor swasta dalam proses imunisasi, Uggah berkata kerajaan mendapat khidmat 42 klinik swasta memberi suntikan vaksin dengan 40 klinik sudah memberi perkhidmatan tersebut dan lebih banyak klinik dalam proses pendaftaran.<br><br>"Bagi hospital swasta, enam lagi ditambah kepada lima yang sudah mula memberi suntikan vaksin. Secara keseluruhan, kapasiti pemberian vaksin menerusi hospital swasta adalah antara 5,000 hingga 7,000 dos sehari," katanya. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/715898/sarawak-terima-380000-dos-vaksin-sinovac |
| 14. | **Malay Mail**<br>10 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Kota Bharu Medical Centre first private hospital to administer Covid jabs in Kelantan**<br><br>The Kota Bharu Medical Centre (KBMC) has been selected as the first private hospital vaccination | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/06/10/kota-bharu-medical-centre-first-private-hospital-to- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | centre in Kelantan under the National COVID-19 Immunisation Programme. Islamic Religious Affairs Department has offered KBMC to conduct the vaccination process at the complex free of charge in order to reduce congestion at the hospital. "The vaccination centre operates from 8.30 am until 4.30 pm and could inoculate an average of 400 individuals per day.<br><br>On May 27, the Kelantan State Health Department said a total of eight private clinics and one private hospital have been allowed by the Ministry of Health (MoH) to carry out vaccination against Covid-19 in the state.<br>Mohd Nazri said KBMC also hired five locum doctors to facilitate the operation at the hospital, while 35 staff were placed at the vaccination centre comprising 20 health personnel and 15 volunteers. | administer-covid-jabs-i/1981081 |
| 15. | **Sarawak Voice**<br>10 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Klinik Dr Jerip PPV swasta di Kota Pedawan**<br><br>Klinik swasta milik Adun Mambong, Datuk Dr Jerip Susil di Kota Padawan akan dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) untuk melancarkan proses pemberian vaksin di konstituennya.<br><br>Berdasarkan SOP pemberian vaksin untuk klinik swasta hanya 30 orang ditetapkan dalam satu hari justeru itu beliau telah | https://sarawakvoice.com/2021/06/10/klinik-dr-jerip-ppv-swasta-di-kota-pedawan/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | memohon agar jumlah tersebut ditambah kepada 50 orang. | |
| | **C. Subsektor Penginapan** | | |
| 16. | **The Edge Markets**<br>8 Jun 2021<br>*(Non Essential)* | **Genting rating under pressure if Malaysia's lockdown extended – S&P**<br><br>The rating on Genting Bhd will come under further pressure if the lockdown in Malaysia and capacity restrictions in Singapore are extended and the group cannot offset the impact of these curbs through other financial means. Genting's operations for 2021 may not recover to its level of expectations unless vaccination rate speeds up significantly in Malaysia. | https://www.theedgemarkets.com/article/genting-rating-under-pressure-if-malaysias-lockdown-extended-%E2%80%94-sp |
| 17. | **Kosmo**<br>9 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Bincang beri keutamaan vaksin untuk tourism frontliners**<br><br>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan (KKM) bagi memberi keutamaan suntikan vaksin kepada petugas barisan hadapan pelancongan yang sedang bertugas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. | https://www.kosmo.com.my/2021/06/09/bincang-beri-keutamaan-vaksin-untuk-tourism-frontliners/ |
| | **D. Subsektor Hartanah** | | |
| 18. | **The Sundaily**<br>9 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Property Prices Hit Rock Bottom?** | https://www.thesundaily.my/local/property-prices-hit-rock-bottom- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | MCO 3.0 is no stricter than the first MCO, meaning that the additional impacts of MCO 3.0 on the supply side are quite minimal except for the rising costs.<br><br>This situation may only happen at hot spot areas such as Kuala Lumpur, where the demand for properties remains intact even with the pandemic. Properties in other areas such as Iskandar Malaysia may continue to face unfavourable fates for a long time.<br><br>With the implementation of MCO 3.0, the economy will suffer further with increasing unemployment, salary cuts and closing down of businesses. The situation will definitely affect the property market and further decline in transactions and property prices are expected in the coming months. | CG7945307#pk_campaign=MASwpn&pk_kwd=Property+prices+hit+rock+bottom%3F |
| | **E. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 19. | **Harian Metro**<br>8 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Gerabak komuter kosong, bukti ramai BDR**<br><br>Penurunan jumlah penumpang pengangkutan awam menunjukkan penduduk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) untuk bekerja dari rumah (BDR) sepanjang sekatan pergerakan penuh PKP 3.0. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/715277/gerabak-komuter-kosong-bukti-ramai-bdr-metrotv |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **F. Subsektor Kewangan** | | |
| 20. | **The Edge Markets**<br>9 June 2021<br>*(Essential)* | **Pertama Digital secures four product partners for digital bank**<br><br>Pertama Digital Bhd has secured the first four product partners; — Trevo, Paywatch, Qoala and Butterfly FX, which will bring expertise and solutions in their respective fields to plug into Pertama Digital's proposed digital bank. | https://www.theedgemarkets.com/article/pertama-digital-secures-four-product-partners-digital-bank |
| | **G. Subsektor Makanan & Minuman** | | |
| 21. | **Berita Harian**<br>10 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Airasia food tawar promosi hidangan satu sen**<br><br>Airasia Food, perkhidmatan penghantaran makanan dalam talian yang beroperasi di Lembah Klang dan Pulau Pinang menawarkan promosi hebat dengan harga satu sen untuk hidangan istimewa daripada peniaga terpilih untuk masa terhad. Promosi masa terhad ini akan menggalakkan pelanggan untuk memuat turun airasia super app sebagai persediaan untuk memesan hidangan satu sen ini berdasarkan pilihan lokasi. Usaha ini dapat membantu pengusaha restoran dan peniaga yang berdaftar. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/826118/airasia-food-tawar-promosi-hidangan-satu-sen |
| | **H. Subsektor Perkhidmatan Lain** | | |
| 22. | **The Star**<br>10 June 2021<br>*(Essential)* | **Funeral homes can operate**<br><br>A total of 36 funeral service providers from the Malaysia | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/10/funeral-homes-can-operate |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Funeral Public Association had secured approval from Miti to carry out operations. Furthermore, some 200 operators nationwide would see their applications approved during this lockdown.<br><br>On applying to Miti under its COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0, the association members should select "pengurusan pengebumian selain Islam" (funeral matters other than Islam) in the system. | |

Penemuan penting & isu:

1. SELCARE yang bertanggungjawab terhadap program kesihatan kerajaan negeri Selangor, Skim Peduli Sihat, merancang untuk menggunakan alat ujian pada pemeriksaan massa COVID-19 di semua kliniknya.

2. Habib Jewel Sdn Bhd menawarkan pelaburan emas serendah RM118 kepada semua lapisan masyarakat.

3. Pendapatan Top Glove Corporation Bhd bagi tahun kewangan 2021 melonjak kepada RM14.29 bilion, meningkat 246% berbanding 9 bulan tahun kewangan 2020 iaitu sebanyak RM4.13 bilion.

4. Pencapaian jualan Perodua 2021 lebih sesuai dibandingkan dengan prestasi 2019, dengan Perodua menjual 105,745 unit dalam 5 bulan pertama tahun berkenaan, iaitu 8.9% lebih tinggi berbanding tempoh sama tahun ini.

5. Kementerian Kewangan akan melaksanakan pembayaran tanpa tunai untuk semua perkhidmatan kerajaan bermula 2022. Ia adalah satu inisiatif negara yang melambangkan aspirasi kerajaan untuk mentransformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacukan teknologi dan pendigitalan selain berupaya menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital.

6. AmBank akan terus membantu pelanggan menerusi pakej bantuan yang disesuaikan mengikut keperluan pelanggan.

7. Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan MATRADE menyokong usaha PKS melalui MDG untuk meningkatkan kemudahan aktiviti eksport.

8. *ABM needs to provide a clear explanation about the moratorium for M40 income earners affected by the movement control order (MCO) 3.0*.

9. Menerusi program COVAX, Amerika Syarikat akan menyumbang 500 juta dos vaksin Covid-19 keluaran Pfizer kepada hampir 100 negara dalam tempoh dua tahun.

10. Skim Wilayah Bebas Berniaga telah diperkenalkan pada 15 November 2020 bagi membolehkan orang ramai di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan untuk membuka gerai atau perniagaan secara kecil-kecilan di kawasan sesuai secara percuma. Skim ini akan tamat pada akhir tahun ini.

11. Beberapa tambahan hospital swasta dan klinik swasta mula beroperasi dan akan memulakan operasi sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara. Antara PPV tersebut Hospital Pakar CMH di Negeri Sembilan, Kota Bharu Medical Centre (KBMC) di Kelantan dan Klinik Dr Jerip di Sarawak.

12. Kebanyakan Hospital swasta mampu melakukan pemvaksinan antara 100 sehingga 500 dos sehari.

13. *On May 27, the Kelantan State Health Department said a total of eight private clinics and one private hospital have been allowed by the Ministry of Health (MoH) to carry out vaccination against Covid-19 in the state.*

14. Mengulas pembabitan sektor swasta dalam proses imunisasi di Sarawak, Uggah berkata kerajaan mendapat khidmat 42 klinik swasta memberi suntikan vaksin dengan 40 klinik sudah memberi perkhidmatan tersebut dan lebih banyak klinik dalam proses pendaftaran. Bagi hospital swasta, enam lagi ditambah kepada lima yang sudah mula memberi suntikan vaksin. Secara keseluruhan, kapasiti pemberian vaksin menerusi hospital swasta adalah antara 5,000 hingga 7,000 dos sehari.

15. *AIA Malaysia has announced that it is offering Malaysians and their families Covid-19 Vaccine Complications Cover and Covid-19 Diagnosis Cover at no additional cost.*

16. Pelaksanaan MCO 3.0 mengakibatkan peningkatan jumlah pengangguran kerana kebanyakan ekonomi perlu ditutup. Ini secara tidak langsung memberi impak kepada sektor Hartanah di Malaysia.

17. Transaksi Hartanah jenis *sub-sale* menunjukkan peningkatan, walaubagaimana pun pembeli rumah pertama menunjukkan penurunan.

18. Jumlah penumpang Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) kurang berbanding hari biasa iaitu antara 5% ke 10%. Bagi pengangkutan awam, hanya 50 peratus sahaja penumpang dibenarkan berada dalam setiap gerabak.

19. Bank Negara Malaysia melalui kenyataan media 31 Disember 2020; permohonan untuk menjalankan perniagaan perbankan digital atau perniagaan perbankan digital secara Islam hendaklah dikemukakan kepada Bank selewat-lewatnya pada 30 Jun 2021. Sehingga lima lesen akan dipertimbangkan dan pemberitahuan mengenai pemberian lesen akan dibuat pada suku pertama tahun 2022.

20. Salah satu usaha *Airasia Food* untuk menarik pelanggan memuat turun apps mereka dengan menawarkan hidangan pada kadar 1 sen pada waktu yang terhad. Usaha ini juga dapat membantu restoran dan peniaga yang berdaftar dengan perkhidmatan penghantaran ini.

21. Kategori “kelompok pengurusan sosial" dan "perkara pengebumian selain kelompok Islam" telah dimasukkan dalam CIMS 3.0 telah membolehkan pengusaha perkhidmatan pengebumian untuk memohon kebenaran beroperasi semasa PKP 3.0.

Maklumbalas Bahagian:

1. Moratarium yang ditawarkan oleh pihak bank dapat membantu industri PKS yang terjejas untuk meneruskan perniagaan.

2. Pembayaran tanpa tunai dijangka akan meningkatkan sektor Perdagangan Borong & Runcit di Malaysia.

3. Penglibatan hospital dan klinik swasta dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan turut menyumbang kepada peningkatan doktor lokum yang diupah oleh hospital dan klinik swasta.

4. Penurunan penumpang dalam perkhidmatan KTMB disebabkan sekatan pergerakan PKP 3.0 akan memberikan kesan terhadap perkhidmatan penumpang rel antara bandar (49110) dalam segmen Pengangkutan Darat bagi survei Perkhidmatan Suku Tahunan, ST2 2021.

5. Usaha menawarkan hidangan pada harga yang sangat rendah sedikit sebanyak dapat membantu pengusaha restoran dan peniaga yang terjejas akibat pelaksanaan PKP di mana tiada aktiviti *dine-in* dibenarkan.

6. Perkhidmatan pengebumian merupakan salah satu industri di bawah Perkhidmatan Lain dengan sumbangan hasil sebanyak 4.4 peratus semasa Banci Ekonomi 2015. Kebenaran industri ini untuk beroperasi semasa PKP 3.0 terutama yang meninggal dunia akibat COVID-19 dijangka memberi kesan terhadap hasil

| | | | |
|---|---|---|---|
| | industri ini selain dapat membantu meringankan beban pengurusan penguburan rumah sakit. | | |
| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian**<br>08 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Rakyat beli minyak masak pada harga eksport?**<br><br>Berita baik untuk negara ialah harga minyak sawit mentah (MSM) mencecah paras tertinggi RM4,704 satu tan pada ketika ini.<br><br>Peningkatan harga komoditi itu berlaku ketika persekitaran inventori minyak tersebut di peringkat global yang rendah. Bagaimanapun, ia bukan berita baik buat pengguna di negara ini.<br><br>Difahamkan berdasarkan data, 90 peratus hasil pengeluaran minyak sawit mentah negara adalah untuk tujuan eksport. Malangnya harga yang ditentukan untuk tujuan eksport itu tidak memberi manfaat kepada rakyat di negara ini. | https://www.sinarharian.com.my/article/142906/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Rakyat-beli-minyak-masak-pada-harga-eksport |
| 2. | **Berita Harian**<br>10 Jun 2021<br>*(Essential)* | **COVID-19: MSM Prai tutup kilang**<br><br>MSM Prai Bhd (MSM Prai), anak syarikat milik penuh MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) akan mengimport gula bagi menampung permintaan pasaran ketika ini.<br><br>Langkah itu terpaksa diambil selepas kumpulan menghentikan sementara operasi pengeluaran gulanya di Seberang Prai, Pulau | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/826067/covid-19-msm-prai-tutup-kilang |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pinang bermula 8 Jun sehingga 17 Jun ini.<br><br>Kilang gulanya itu akan ditutup bagi membolehkan pembasmian kuman dilakukan bagi membendung penyebaran COVID-19 demi kesihatan, kesejahteraan dan keselamatan pekerja serta penduduk setempat. | |
| 3. | **New Straits Times**<br>10 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Austria's AT&S picks Malaysia for RM8.5 billion factory, its first in Southeast Asia**<br><br>AT&S, the Austria-headquartered global manufacturing leader of high-end printed circuit boards (PCB) and integrated circuit (IC) substrates, has chosen Malaysia as its first production plant in Southeast Asia.<br><br>AT&S' new facility in Kulim Hi-Tech Park, Kedah involved a proposed total investment of RM8.5 billion (1.7 billion euro) and would create 5,000 high-tech and high impact jobs.<br><br>Coupled with the strong showing of investment approvals for the first quarter of this year, totaling RM80.6 billion in the manufacturing, services and primary sectors, AT&S' investment bodes well for Malaysia's recovery efforts from the economic challenges of the Covid-19 pandemic. | https://www.nst.com.my/business/2021/06/697584/austrias-ats-picks-malaysia-rm85-billion-factory-its-first-southeast-asia |

Penemuan penting & isu:

1. Harga minyak sawit mentah (MSM) mencecah paras tertinggi RM4,704 satu tan pada ketika ini. Peningkatan harga komoditi itu berlaku ketika

persekitaran inventori minyak tersebut di peringkat global yang rendah. Bagaimanapun, ia bukan berita baik buat pengguna di negara ini. Difahamkan berdasarkan data, 90 peratus hasil pengeluaran minyak sawit mentah negara adalah untuk tujuan eksport. Malangnya harga yang ditentukan untuk tujuan eksport itu tidak memberi manfaat kepada rakyat di negara ini.

2. MSM Prai Bhd (MSM Prai), anak syarikat milik penuh MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) akan mengimport gula bagi menampung permintaan pasaran ketika ini. Langkah itu terpaksa diambil selepas kumpulan menghentikan sementara operasi pengeluaran gulanya di Seberang Prai, Pulau Pinang bermula 8 Jun sehingga 17 Jun ini. Kilang gulanya itu akan ditutup bagi membolehkan pembasmian kuman dilakukan bagi membendung penyebaran COVID-19 demi kesihatan, kesejahteraan dan keselamatan pekerja serta penduduk setempat.

3. AT&S, pemimpin pembuatan global papan litar bercetak mewah (PCB) dan substrat litar bersepadu (IC) yang bermarkas di Austria, telah memilih Malaysia sebagai kilang pengeluaran pertamanya di Asia Tenggara. Kemudahan baru AT&S di Kulim Hi-Tech Park, Kedah melibatkan jumlah pelaburan yang dicadangkan sebanyak RM8.5 bilion (1.7 bilion euro) dan akan mewujudkan 5,000 pekerjaan berteknologi tinggi dan berimpak tinggi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport minyak kelapa sawit bagi suku pertama 2021 adalah RM15,835 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM3,388.9 juta atau 27.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Volum eksport bagi minyak kelapa sawit pula mencatatkan penurunan sebanyak 199.1 ribu tan metrik atau 4.6 peratus berbanding tahun sebelumnya.

2. Nilai import bagi kod SITC empat digit 0611: *sugars; beet or cane, raw, in solid form, not containing added flavouring or colouring matter* bagi suku pertama 2021 adalah RM1,066 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM74.5 juta atau 7.5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Negara Brazil merupakan negara utama pembekal gula mentah kepada Malaysia sebanyak 63.7 peratus diikuti India (18.5 peratus), Afrika Selatan (13.2 peratus) dan lain-lain (4.6 peratus).

3. Nilai eksport litar elektronik bersepadu bagi suku pertama 2021 adalah RM73,678 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM16,685.1 juta atau 29.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Barangan elektrik dan elektronik merupakan penyumbang terbesar bagi nilai eksport sektor pembuatan sebanyak 35.1 peratus.

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge**<br>**8 June 2021**<br>*(Non-essential)* | **Carlsberg informs bourse it suspended Shah Alam brewery operations from June 2**<br><br>Carlsberg Brewery Malaysia Bhd has temporarily suspended the operations of its brewery in Shah Alam from June 2 due to the Malaysian government's full movement control order which is effective from June 1 to June 14. | https://www.theedgemarkets.com/article/carlsberg-informs-bourse-it-suspended-shah-alam-brewery-operations-june-2 |
| 2. | **The Edge**<br>**9 June 2021**<br>*(essential)* | **Top Glove: Shorter production lead time with new capacity and fewer spot orders**<br><br>Unlike a year ago, Top Glove Corp Bhd no longer receives many spot orders from clients, said its managing director Datuk Lee Kim Meow. | https://www.theedgemarkets.com/article/top-glove-plans-go-tenders-it-seeks-take-advantage-current-prices |
| 3. | **The Edge Markets**<br>**8 June 2021**<br>*(non-essential)* | **Merdeka 118 tower safely tops out, construction progress at 81%**<br><br>Permodalan Nasional Bhd's (PNB) Merdeka 118 tower has safely topped out with the completion of the final roof slab after reaching its peak at level 118. | https://www.theedgemarkets.com/article/merdeka-118-tower-safely-tops-out-construction-progress-81 |
| 4. | **The Star**<br>**8 June 2021**<br>*(non-essential)* | **The Kuala Lumpur-Singapore HSR Project**<br><br>Singapore and Malaysia signed the HSR Bilateral Agreement (BA) in 2016 based on mutually agreed terms, after three years of | https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2021/06/08/the-kuala-lumpur-singapore-hsr-project |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | negotiations and extensive industry engagement. | |
| 5. | **Astro Awani**<br>**9 Jun 2021**<br>*(non-essential)* | **KKM, MKN dan CIDB perlu cari jalan segera keluar status 'lockdown' - Gapan**<br><br>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) perlu segera mencari jalan yang lebih berkesan jika ingin beralih ke status PKPB selepas 14 Jun nanti. | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kkm-mkn-dan-cidb-perlu-cari-jalan-segera-keluar-status-lockdown-gapan-302213 |

Penemuan penting & isu:

1. *To curb the spread of the coronavirus infection in the country and in line with the National Security Council's standard operating procedures announcement on June 1, the company's brewery in Shah Alam is temporarily closed from June 2.*

2. *Top Glove's production lead time has reduced significantly to between 90 and 120 days, depending on the type of glove. Top Glove had reported an average lead time of 300 days in early January, before it dropped to 170 days in March. This compares with 20 to 30 days before the pandemic days.*

3. *PNB said the tower which expect to complete in 2022 will reach its full height of at least 644 metres and is set to be the tallest building in Southeast Asia.*

4. *Singapore remains open to discussing any new proposal from Malaysia on a high-speed rail between Kuala Lumpur and Singapore in good faith, starting from a clean slate.*

5. Presiden Gabungan Persatuan Anak Negeri (GAPAN), Datuk Seri Syed Hussien Al Habshee menjelaskan jumlah tinggi jangkitan bergejala berpunca dari sektor perkilangan dan pembinaan walau Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 telah dilaksanakan selama seminggu benar-benar mendukacitakan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian memaklumkan bahawa Carlsberg Brewery Malaysia Bhd merupakan antara pengeluar minuman beralkohol terbesar di Malaysia dan impak penurunan signifikan akibat pemberhentian operasi pembuatan

birnya di Shah Alam mulai Jun 2021 kepada permintaan domestik dan eksport.

2. Bahagian memaklumkan Top Glove yang merupakan pengeluar utama sarung tangan getah telah menerima permintaan yang tinggi sejak bermulanya pandemik COVID-19 tahun lalu dan bahagian mengambil maklum berkaitan had pengeluaran masa yang telah dikurangkan akan memberi impak pada bulan Jun 2021.

3. Walaupun mengalami kelewatan penyiapan kerana sekatan dari perintah kawalan pergerakan (MCO) yang dilaksanakan Kerajaan, Menara Permodalan Nasional Bhd (PNB) Merdeka 118 telah mencapai kemajuan 81 peratus dan akan siap pada tahun 2022. Ianya akan mencapai ketinggian penuh sekurang-kurangnya 644 meter, dan akan menjadi bangunan tertinggi di Asia Tenggara. Menara akan memiliki lebih dari tiga juta kaki persegi luas lantai, yang terdiri dari 1.66 juta kaki persegi luas ruang pejabat dan satu juta kaki persegi ruang niaga. Kemajuan prestasi penyiapan projek ini memberi impak besar kepada indusri lain seperti dalam sektor perkhidmatan pada masa hadapan.

4. Singapura kekal terbuka dengan sebarang perbincangan dan cadangan dari Malaysia berkaitan kerjasama pembinaan projek rel berkelajuan tinggi yang telah disepakati antara kedua-dua buah negara itu. Ianya akan membantu meningkatkan prestasi sektor pembinaan terutamanya dalam sektor kejuruteraan awam pada masa akan datang.

5. Pihak berkenaan perlu memastikan pemantauan kerap dilakukan terutama bagi mengelakkan sektor pembinaan dan perkilangan mewujudkan kluster-kluster baharu yang akan menjadi faktor merebak dalam kalangan komuniti setempat. Kedua-dua sektor ini menyumbang hampir 30 peratus kepada ekonomi negara.

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Utusan Malaysia**<br>8 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Malaysia positif dapat hantar jemaah haji tahun ini**<br><br>Malaysia positif Kerajaan Arab Saudi akan mempertimbangkan kebenaran kepada jemaah negara ini untuk ke tanah suci Mekah bagi menunaikan ibadat itu pada musim ini, biarpun sehingga saat ini kebenaran rasmi belum diperoleh daripada Kerajaan Arab Saudi. Malaysia | https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/malaysia-positif-dapat-hantar-jemaah-haji-tahun-ini/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | meletakkan keyakinan dapat menghantar jemaah negara ini untuk ke tanah suci pada tahun ini. Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) berkemungkinan besar hanya menghantar sejumlah 4,000 bakal jemaah ke tanah suci Mekah bagi menunaikan ibadah fardu itu pada musim ini.<br><br>Malaysia pada tahun lalu tidak dapat menghantar bakal jemaah haji ekoran penutupan pintu sempadan antarabangsa oleh kerajaan Arab Saudi bagi mengekang penularan kes COVID-19. Sebaliknya, negara itu hanya membenarkan 10,000 penduduk termasuk warga asing yang menetap di Arab Saudi untuk menunaikan Rukun Islam yang kelima itu pada tahun lalu. | |
| 2. | **The Edge Market**<br>10 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Domestic travel demand improves in April 2021**<br><br>Domestic travel demand improved in April 2021 compared to the prior month but remained well below pre-pandemic levels, the International Air Transport. The recovery in international passenger travel continued to be stalled in the face of government-imposed travel restrictions. Meanwhile, international passenger demand in April was 87.3% below April 2019, almost unchanged from the 87.8% decline recorded in March 2021 versus two years ago. The most government policies currently default to the closing of borders but after a year-and-a-half of | https://www.theedgemarkets.com/article/iata-domestic-travel-demand-improves-april-2021 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Covid-19, there are sufficient data for governments to manage the risks of Covid-19 without blanket travel bans and data show that pre-departure testing largely removes the risk of unvaccinated travellers importing Covid. The United Kingdom data confirm that about 98% of arriving passengers detained by universal quarantine orders left confinement with no signs of the disease. | |

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia berkeyakinan bahawa Kerajaan Arab Saudi akan mempertimbangkan kebenaran kepada jemaah negara ini untuk ke tanah suci Mekah bagi menunaikan ibadat itu pada musim ini, biarpun sehingga saat ini kebenaran rasmi belum diperolehi.

2. Permintaan perjalanan domestik bertambah baik pada April 2021 berbanding bulan sebelumnya tetapi tetap jauh di bawah tahap pra-pandemik. Pemulihan perjalanan penumpang antarabangsa terus terhenti dalam menghadapi sekatan perjalanan yang dikenakan oleh kerajaan. Sementara itu, penurunan dalam permintaan penumpang antarabangsa pada bulan April adalah 87.3% di bawah April 2019, hampir tidak berubah dari penurunan 87.8% yang dicatatkan pada bulan Mac 2021 berbanding dua tahun yang lalu. Kebanyakan polisi negara luar masih menutup sempadan negara walaupun terdapat data yang mencukupi bagi pengurusan risiko COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kebenaran Kebenaran kepada jemaah negara ini untuk ke tanah suci Mekah bagi menunaikan ibadat itu pada musim haji tahun ini akan memberi kesan kepada penyusunan komponen Perjalanan dalam statistik Imbangan Pembayaran secara keseluruhannya. Pada suku pertama tahun 2021, komponen Perjalanan mencatatkan defisit RM3.4 bilion berbanding defisit RM3.3 bilion pada suku sebelumnya.

2. Penurunan dalam permintaan penumpang antarabangsa dan kebanyakan negara luar masih menutup sempadan negara walaupun terdapat data yang mencukupi bagi pengurusan risiko Covid-19 akan memberi kesan terhadap penyusunan statistik Imbangan Pembayaran terutamanya komponen Pengangkutan dan Perjalanan. Pada suku pertama tahun 2021, eksport pengangkutan meningkat kepada RM3.4 bilion berbanding RM3.3 bilion pada suku sebelumnya. Sementara itu, import pengangkutan meningkat kepada RM11.1 bilion berbanding RM10.8 bilion pada suku sebelumnya.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **News Straits Times**<br>9 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Vaccination for those in critical economic sector from June 16 [NSTTV]**<br>The vaccination drive for people in critical economic sector under the Fourth Phase of the National Covid-19 Immunisation Programme (NIP) will start next week.<br><br>Priority would be given to sectors given the permission to operate throughout the implementation of the current Movement Control Order (MCO 3.0) which includes manufacturing, exports, transportation and logistics as well as energy and utilities.<br><br>Begin the vaccination for economic sectors deemed critical especially industries allowed to operate throughout the MCO period. The first one will be on June 16 in Pengerang. The Pengerang (Integrated) Complex as a high-risk area. | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/697296/vaccination-those-critical-economic-sector-june-16-nsttv |
| 2. | **Berita Harian**<br>10 Jun 2021<br>*(Essential)* | **MOTAC tambah baik syarat bantuan khas PEMERKASA**<br>Pada 17 Mac lalu, kerajaan mengumumkan bantuan khas RM3,000 kepada syarikat pengendali pelancongan di bawah inisiatif PEMERKASA bagi membantu meringankan beban syarikat terkesan dengan COVID-19. Kementerian Pelancongan, | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/826130/motac-tambah-baik-syarat-bantuan-khas-pemerkasa |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Seni dan Budaya (MOTAC) bersetuju menambah baik syarat kelayakan bagi memastikan syarikat pengendali pelancongan yang layak, menerima bantuan khas RM3,000 seperti diumumkan kerajaan sebelum ini.<br><br>Bantuan khas menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) itu sudah memanfaatkan 2,568 syarikat pengendali pelancongan membabitkan bantuan berjumlah RM7.70 juta. | |

Penemuan penting & isu:

1. Program vaksinasi bagi pekerja sektor ekonomi kritikal akan bermula minggu hadapan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Fasa Keempat. Keutamaan akan diberikan kepada sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan PKP 3.0 iaitu sektor Pembuatan, Eksport, Pengangkutan dan Logistik serta Tenaga dan Utiliti. Program pertama akan diadakan pada 16 Jun 2021 di Kompleks Pengerang (Bersepadu) berikutan ia merupakan kawasan berisiko tinggi.

2. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersetuju menambah baik syarat kelayakan bagi memastikan syarikat pengendali pelancongan yang layak menerima bantuan khas RM3,000 bagi membantu meringankan beban syarikat yang terkesan dengan COVID-19. Bantuan khas menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) ini telah memberi manfaat kepada 2,568 syarikat pengendali pelancongan membabitkan bantuan berjumlah RM7.70 juta.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kejayaan pelaksanaan vaksin akan mempercepatkan sasaran imuniti kelompok yang memberi kesan positif terhadap pemulihan ekonomi negara. Inisiatif Kerajaan melalui Program Strategik Memperkasakan Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA Tambahan) akan meningkatkan kapasiti dan memperkukuhkan kesihatan awam negara. 60 peratus penduduk Malaysia disasarkan menerima vaksin pada tahun 2021. Peningkatan kapasiti ini seterusnya dijangka melonggarkan sekatan pergerakan dan merancakkan aktiviti ekonomi domestik negara.

2. Kerajaan mengumumkan pemberian vaksin bagi sektor ekonomi kritikal di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Fasa Keempat bermula 16 Jun 2021. Sektor ekonomi yang terlibat adalah Pembuatan, Eksport, Pengangkutan dan Logistik serta Tenaga dan Utiliti. Langkah ini secara tidak langsung mendorong kepada peningkatan keyakinan peniaga dan menambahbaik sentimen perniagaan. Di samping itu mengurangkan impak pandemik kepada pertumbuhan ekonomi negara.

| G. | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>08 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Stok minyak masak subsidi terhad, yang dibotolkan pula mahal**<br><br>Pengguna di Kota Bharu merungut berikutan kenaikan harga minyak masak botol lima kilogram selain kekurangan bekalan minyak paket bersubsidi. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/825432/stok-minyak-masak-subsidi-terhad-yang-dibotolkan-pula-mahal |
| 2. | **Kosmo!**<br>08 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Minyak masak botol tidak diberikan subsidi**<br><br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menegaskan bahawa minyak masak botol tidak diberikan subsidi dan dijual mengikut harga pasaran berdasarkan mekanisme pengapungan harga. | https://www.kosmo.com.my/2021/06/08/minyak-masak-botol-tidak-diberikan-subsidi/ |
| 3. | **Berita Harian**<br>08 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **KPDNHEP kenakan kawalan jika harga tidak munasabah**<br><br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengenakan harga kawalan atau harga maksimum jika didapati harga sesuatu barangan melonjak kepada paras tidak munasabah. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/825582/kpdnhep-kenakan-kawalan-jika-harga-tidak-munasabah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Berita Harian**<br>08 Jun 2021<br>(*Essential)* | **MAIDAM agih RM101 juta wang zakat**<br><br>Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) mengagihkan RM101.3 juta wang zakat, bagi membantu golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Bantuan diagihkan melalui 10 inisiatif khas yang dilaksanakan secara berterusan sejak Januari lalu. Seramai 21,492 ketua isi rumah menerima bantuan khas zakat MAIDAM. Bantuan sebanyak RM200 dapat meringankan beban kewangan golongan asnaf sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/825416/maidam-agih-rm101-juta-wang-zakat |
| 5. | **Berita Harian**<br>08 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Tiga insentif ringankan beban masyarakat**<br><br>Agihan bakul makanan antara tiga insentif yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) bagi membantu meringankan bebanan masyarakat luar bandar yang terkesan dengan sekatan pergerakan penuh. Insentif kedua ialah penangguhan bayaran sewa beli kediaman milik KETENGAH selama tiga bulan bermula Mei. Pengurusan KETENGAH juga mengecualikan bayaran sewa premis perniagaan dan rumah kediaman tanpa perlu mengemuka permohonan. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/825198/tiga-insentif-ringankan-beban-masyarakat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | **Bernama**<br>09 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Harga RON97 naik dua sen seliter, RON95 dan diesel kekal**<br><br>Harga runcit petrol RON97 naik dua sen seliter daripada RM2.63 kepada RM2.65 seliter manakala RON95 dan diesel, masing-masing kekal RM2.05 serta RM2.15 seliter bagi tempoh esok hingga 16 Jun ini. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1970220 |
| 7. | **Bernama**<br>09 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Jualan hartanah kediaman pembangunan baharu susut 64.9 peratus pada 2020**<br><br>Kemerosotan ekonomi pada 2020 jelas mempengaruhi jualan kediaman pembangunan baharu dan subjualan di Lembah Klang apabila masing-masing mencatatkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 64.9 peratus dan 41.1 peratus, menurut MyProperty Data. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1970218 |
| 8. | **The Malay Mail**<br>9 Jun 2021<br>(*Essentials*) | **Home learning not viable for Sabah students due to poor connectivity and poverty, says group**<br><br>Sabah students are still facing difficulties in participating the government's home-based learning programme (PdPR) due to poor connections and shortage of smart devices especially to the B40 family students.<br><br>The government should find ways that can cater students from household of all income groups whether they are living in the urban or rural area to have access in using online learning. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/06/09/home-learning-not-viable-for-sabah-students-due-to-poor-connectivity-and-po/1980847 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | **Berita Harian**<br>10 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Internet tanpa had untuk B40, M40 di Selangor**<br><br>Kerajaan negeri menawarkan kemudahan internet tanpa had kepada golongan B40 dan M40 di Selangor yang kini berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 bagi meneruskan kelangsungan hidup. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/826035/internet-tanpa-had-untuk-b40-m40-di-selangor |

Penemuan penting & isu:

1. Tinjauan di beberapa pasar raya, pasar mini, dan kedai runcit sekitar Kota Bharu mendapati harga minyak masak botol lima kilogram naik sehingga RM7 sebotol berbanding harga sebelum ini iaitu antara RM25 hingga RM33 bergantung kepada jenama. Tinjauan di kedai runcit pula mendapati kebanyakan peniaga mengalami masalah kekurangan bekalan minyak masak paket sejak lebih sebulan lalu menyebabkan pengguna tidak mempunyai pilihan dan terpaksa membeli minyak masak botol walaupun harganya agak mahal.

2. Subsidi hanya diberikan kepada minyak masak yang dipek dalam bungkusan polibeg 1kg dan ditawarkan kepada pengguna pada harga mampu milik iaitu RM2.50 sepaket walaupun harga minyak masak mentah (CPO) di pasaran dunia meningkat pada masa ini. Minyak masak yang dijual dalam botol plastik bersaiz 2kg, 3kg, 5kg dan dalam tin 17kg adalah tidak bersubsidi di mana harganya ditentukan oleh harga CPO di pasaran dunia. Harga CPO di pasaran dunia sudah mencecah lebih RM4,500 tan metrik berbanding sebelum ini kira-kira RM2,500 tan metrik sahaja yang bersamaan RM4.50 per kg sebelum diproses dan dibotolkan.

3. KPDNHEP akan mengenakan harga kawalan atau harga maksimum jika didapati harga sesuatu barangan melonjak kepada paras tidak munasabah, sama seperti Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), yang mana KPDNHEP menjangka permintaan barangan tertentu akan meningkat dan menekan harganya, seperti yang biasa berlaku dalam pasaran bebas. Kenyataan itu susulan rungutan orang ramai mengenai peningkatan mendadak harga minyak masak botol di pasaran, iaitu peningkatan sekitar RM4 hingga RM5 bagi minyak masak seberat 5kg. KPDNHEP sedang berbincang dengan beberapa kementerian dan agensi berkaitan bagi mempertingkat mekanisme pelaksanaan harga untuk minyak masak bersubsidi dan tidak bersubsidi di pasaran bagi mengurangkan beban pengguna.

4. RM101.3 juta wang zakat dari MAIDAM bantu golongan yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

| |
|---|
| 5. KETENGAH menyediakan sebanyak 3,200 bantuan bakul dengan anggaran kewangan sebanyak RM366,000 bagi membantu isi rumah yang terkesan.<br><br>6. Dengan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM), Kementerian menetapkan bahawa harga runcit petrol naik dua sen seliter iaitu RM2.65 seliter manakala RON95 (RM2.05 seliter) dan diesel (RM2.15 seliter) kekal. Hal ini untuk melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global.<br><br>7. MyProperty melaporkan jualan kediaman pembangunan baharu dan subjualan di kawasan Lembah Klang masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 64.9 peratus dan 41.1 peratus pada tahun 2020. Sektor hartanah tidak mengalami pemulihan ekonomi yang signifikan sejak wabak pertama COVID-19. Kenaikan kos yang ditanggung oleh pemaju disebabkan pandemik dan gangguan dalam rantaian bekalan bahan binaan.<br><br>8. Kadar kemiskinan yang tinggi di Sabah menyebabkan kesukaran bagi pelajar daripada golongan pendapatan rendah untuk melaksanakan sistem pembelajaran di rumah kerana tiada kemudahan alat elektronik dan menghadapi masalah capaian internet.<br><br>9. Rakyat B40 dan M40 di Selangor akan ditawarkan subsidi kemudahan internet tanpa had. Pakej Kita Selangor 2.0 menawarkan kadar istimewa RM35 sebulan dengan subsidi RM20 sebulan kepada rakyat di Selangor untuk tempoh 12 bulan. Manakala golongan M40 akan ditawarkan Skim Internet Selangor (SISM40). Program ini dijalankan dengan peruntukan RM17.5 juta. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Harga minyak masak botol ditentukan oleh harga minyak masak mentah (CPO) di pasaran dunia. Harga CPO di pasaran dunia sudah mencecah lebih RM4,500 satu tan, berbanding RM2,500 satu tan sebelum ini, iaitu bersamaan kira-kira RM4.50 per kg sebelum diproses dan dibotolkan. Ini bermakna kos minyak sawit mentah saja sebelum dibotolkan sudah melebihi RM22 untuk lima kg dan harga ini adalah tidak termasuk kos lain seperti pemprosesan, pembotolan, pengangkutan dan keuntungan di semua peringkat kilang, pemborong, pengedar serta peruncit. Kenaikan harga minyak masak ini akan memberi tekanan kenapa inflasi kumpulan makanan dan minuman.<br><br>2. Pemberian bantuan zakat dan pengecualian bayaran sewa rumah akan menjadi input dalam penyediaan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah.<br><br>3. Perubahan harga minyak petrol akan memberi tekanan kepada inflasi terutamanya dalam kumpulan Pengangkutan. |

4. Harga pasaran hartanah telah menurun dan pemaju tidak dapat mengurangkan harga tersebut dalam musim PKP kerana kenaikan kos tenaga buruh dan bahan binaan.

5. Kemudahan akses dan penggunaan internet penting untuk dicapai oleh pelbagai individu untuk meneruskan kelangsungan hidup sepanjang tempoh PKP seperti mempromosi peniaga kecil dan proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR).

6. Segala bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan kepada golongan B40 dan M40 akan dijadikan sebagai input dalam penyediaan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah.

| **H.** | **Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>09 Jun 2021<br>(*non-Essential*) | **COVID-19: Kematian meningkat, mayat tunggu giliran diuruskan**<br><br>Kadar korban akibat COVID-19 yang tinggi di Malaysia, akhir-akhir ini, bukan hanya meruntun jiwa banyak pihak tetapi turut menyebabkan Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN) berdepan situasi getir apabila mengalami masalah tunggakan dalam pengurusan mayat akibat wabak itu dan kes kematian bukan COVID-19. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/825692/covid-19-kematian-meningkat-mayat-tunggu-giliran-diuruskan |
| 2. | **Harian Metro**<br>09 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Kematian akibat Covid-19 di Kelantan meningkat mendadak**<br><br>Jumlah pesakit Covid-19 di negeri ini yang meninggal dunia meningkat mendadak apabila 250 jenazah diuruskan oleh Jabatan Bomba dan | https://www.hmetro.com.my/utama/2021/06/715710/kematian-akibat-covid-19-di-kelantan-meningkat-mendadak |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan sejak Januari sehingga semalam. | |

Penemuan penting & isu:

1. Berbeza dengan pengurusan jenazah bukan COVID-19, pengurusan kes kematian COVID-19 perlu dilaksanakan dengan teliti oleh pasukan petugas barisan hadapan dan disegerakan pengebumian bagi yang beragama Islam atau dibakar bagi bukan Islam. Peti simpanan mayat sedia ada di IPFN kini tidak mencukupi dan mangsa kematian kini diletakkan dalam kontena yang boleh memuatkan antara 12 hingga 20 mayat bagi kontena bersaiz enam meter (20 kaki) sementara menunggu giliran untuk diuruskan.

2. Jumlah kematian itu menunjukkan peningkatan ketara kerana pada tahun lalu hanya 12 jenazah pesakit Covid-19 yang diuruskan. JBPM Kelantan pernah menguruskan 10 jenazah Covid-19 di beberapa daerah di negeri ini dalam masa satu hari. Pengurusan jenazah dilakukan oleh Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hazmat) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pihak bomba akan terus bekerjasama dengan KKM untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Waris pesakit tidak mampu menguruskan jenazah Covid-19 kerana risau dengan keselamatan diri. Bercadang untuk bekerjasama dengan waris untuk membantu mereka menguruskan jenazah. Setakat ini lebih 2,000 premis yang sudah disanitasi di negeri ini. Proses sanitasi dilakukan selepas sesebuah premis atau pejabat itu mempunyai kes positif Covid-19 atau mendapat permintaan daripada mereka.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:

   - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);

   - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan; dan

   - Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020.

   - Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2. Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan dalam Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian. | | |
| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>08 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Pesara doktor, jururawat pelatih bantu PPV**<br><br>Kerajaan akan mendapatkan bantuan pesara doktor dan pesara jururawat serta doktor pelatih atau pelajar perubatan bagi menambah petugas membantu vaksinasi COVID-19.<br><br>Pertambahan petugas profesional amat diperlukan kerana lebih banyak pusat pemberian vaksin (PPV) akan dibuka, bagi mencapai sasaran 80 peratus rakyat divaksin dan mencapai imuniti kelompok menjelang akhir tahun ini. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/825452/pesara-doktor-jururawat-pelatih-bantu-ppv |
| 2. | **Harian Metro**<br>08 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **472,923 ketua isi rumah di Sarawak layak terima bantuan makanan**<br><br>Sebanyak 472,923 ketua isi rumah (KIR) terutama golongan B40 di seluruh negeri Sarawak yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) layak menerima bantuan makanan yang disediakan kerajaan negeri. Kerajaan negeri telah meluluskan sejumlah RM1.4 bilion bagi membantu rakyat dengan salah satu pakej adalah pemberian bantuan makanan kepada isi rumah yang terjejas akibat PKP dan pengagihan bantuan itu kini sedang rancak dijalankan dan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/715294/472923-ketua-isi-rumah-di-sarawak-layak-terima-bantuan-makanan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dijangka akan selesai pada 11 Jun ini.<br><br>Pelbagai kaedah digunakan bagi memastikan bantuan makanan itu sampai kepada golongan sasar sehingga 11 Jun ini. Antaranya penggunaan helikopter dan pesawat ringan untuk menghantar bantuan ke kawasan yang jauh di pedalaman. | |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan akan mendapatkan bantuan pesara doktor dan pesara jururawat serta doktor pelatih atau pelajar perubatan bagi menambah petugas membantu vaksinasi COVID-19.

2. Sebanyak 472,923 KIR terutama golongan B40 di seluruh negeri Sarawak yang terjejas akibat PKP layak menerima bantuan makanan yang disediakan kerajaan negeri.

Maklumbalas Bahagian:

1. Doktor dan jururawat adalah antara pejuang barisan hadapan yang banyak berkorban masa dan tenaga semasa pandemik ini. Langkah kerajaan mendapatkan bantuan pesara doktor dan pesara jururawat serta doktor pelatih atau pelajar perubatan bagi menambah petugas membantu vaksinasi COVID-19 akan membantu meringankan beban yang dipikul oleh mereka dalam usaha mencapai imuniti kelompok menjelang akhir tahun ini. Merujuk kepada Buletin Perangkaan Sosial 2020, bilangan doktor dan jururawat di Malaysia pada tahun 2019 adalah masing-masing seramai 67,586 orang dan 131,258 orang.

2. Inisiatif kerajaan negeri Sarawak memberi bantuan makanan kepada golongan B40 yang terjejas akibat PKP sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, sebanyak 11.5 peratus isi rumah kumpulan B40 berada di Sarawak.

| **J.** | **Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian**<br>08 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Boleh berniaga, tapi tak boleh rentas negeri ambil durian'**<br><br>Pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh dilihat | https://www.sinarharian.com.my/article/142919/EDISI/Boleh-berniaga-tapi-tak- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | memberi kesan kepada kumpulan peniaga kecil termasuk penjual buah durian apabila mereka gagal mendapatkan kelulusan merentas negeri bagi mendapatkan bekalan raja buah tersebut. Walaupun diberi kebenaran membuka gerai, namuan kebanyakan mereka gagal mendapatkan surat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk merentas negeri, sekali gus menyebabkan peniaga bermusim ini terbantut untuk menjalankan perniagaan. | boleh-rentas-negeri-ambil-durian |
| 2. | **Bernama**<br>08 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Peneroka tidak untung pun**<br><br>Kenaikan harga minyak masak yang terlalu tinggi di pasaran bukan jaminan peningkatan pendapatan langsung kepada golongan peneroka.<br><br>Walaupun harga sawit agak baik ketika ini namun tidak semua peneroka memperoleh pendapatan maksimum setiap bulan lebih-lebih lagi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini. | https://www.sinarharian.com.my/article/142920/LAPORAN-KHAS/Peneroka-tidak-untung-pun |
| 3. | **Sinar Harian**<br>09 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Sabak Bernam catat 175.9 tan metrik lambakan hasil pertanian**<br><br>Jabatan Pertanian Daerah Sabak Bernam mengesan terdapat 175.9 tan metrik (tm) lambakan komoditi pertanian pelbagai jenis di daerah itu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. | https://www.sinarharian.com.my/article/143033/EDISI/Selangor-KL/Sabak-Bernam-catat-1759-tan-metrik-lambakan-hasil-pertanian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Kesemua lambakan hasil pertanian ini membabitkan 41.51 hektar tanaman dengan membabitkan seramai 29 petani di daerah Sabak Bernam. | |

Penemuan penting & isu:

1. Golongan pekebun durian terpaksa berhadapan situasi sukar kerana jualan berkurangan dan terpaksa menyerap kerugian kerana buah tidak laku.

2. Kenaikan harga minyak masak yang terlalu tinggi di pasaran bukan jaminan peningkatan pendapatan langsung kepada golongan peneroka. Walaupun harga sawit agak baik ketika ini namun tidak semua peneroka memperoleh pendapatan maksimum setiap bulan lebih-lebih lagi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini. Masalah kekurangan tenaga buruh antara faktor hasil tidak dapat dituai sepenuhnya sekali gus memberi kesan kepada pendapatan peneroka.

3. Jabatan Pertanian Daerah Sabak Bernam mengesan terdapat 175.9 tan metrik lambakan komoditi pertanian pelbagai jenis di daerah itu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Kesemua lambakan hasil pertanian ini membabitkan 41.51 hektar tanaman dengan membabitkan seramai 29 petani di daerah Sabak Bernam.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pada 2019, pengeluaran pisang dan durian masing-masing 325,446.9 tan metrik dan 377,251.0 tan metrik. Booklet Statistik Tanaman yang diterbitkan oleh DOA menjangkakan jumlah pengeluaran pisang akan meningkat kepada 370,060 tan metrik dan durian 405,536 tan metrik pada 2020. Berdasarkan penerbitan IPT 2020, sehingga Jun 2020, harga runcit pisang berangan adalah RM4.75 meningkat RM0.10 berbanding tahun 2020. Manakala purata harga durian kampung pula bagi tempoh Jan-Jun 2020 adalah RM12.10. Pelaksanaan PKP 3.0 ini juga dijangka akan memberi kesan kepada harga kedua-dua jenis buah-buahan tersebut.

2. Pengeluaran buah sawit pada bulan April 2021 adalah 7,766,202 tan metrik berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh MPOB. Penerbitan Indikator Pertanian Terpilih (IPT) 2020 merekodkan pengeluaran buah tandan segar (kelapa sawit) pada 2019 adalah 99,065.4 ribu tan metrik.

3. Lambakan bekalan pertanian berlebihan yang akan menyebabkan kerugian merupakan salah satu komponen dalam pengiraan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi (SUA).

| K. | Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Market**<br>**10 Jun 2021**<br>(*Non-essential*) | **Implement a six-month automatic loan moratorium for all borrowers, says SME Association of Malaysia**<br><br>SME Association of Malaysia suggested that a six-month automatic loan moratorium that is interest-free and without any condition should be extended to all borrowers. With the full-scale Movement Control Order in place, at least 40% of small and medium enterprises (SMEs) are expected to close. Many workers will see job loss in the next few months, especially in June and July. This suggestion is to ease the enterprises' obligations such as rent, employee salaries, utility bills, etc. | https://www.theedgemarkets.com/article/implement-sixmonth-automatic-loan-moratorium-all-borrowers-says-sme-association-malaysia |
| 2. | **The Edge Market**<br>**9 Jun 2021**<br>(*Essential*) | **Govt to start vaccination for critical economic sectors, says Khairy**<br><br>The government will be commencing the dispensing of vaccines to critical economic sectors, especially those which are required to operate throughout the movement control order (MCO) 3.0 soon. Now JKJAV is cooperating with the Ministry of International Trade and Industry (MITI), the Works Ministry, Transport Ministry, Tourism and Culture Ministry and other government agencies to implement Phase 4 | https://www.theedgemarkets.com/article/govt-start-vaccination-critical-economic-sectors-says-khairy |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | for the affected economic sectors. The industrial sector comprises manufacturing, export, logistics, transportation, energy, utilities and other relating industries. | |
| 3. | **The Edge Market**<br><br>**9 Jun 2021**<br><br>(*Non-essential*) | **OCBC pledges to continue helping affected borrowers via repayment assistance programme**<br><br>OCBC Bank (Malaysia) Bhd, together with its Islamic banking subsidiary OCBC Al-Amin Bank Bhd, has pledged to continue to assist small and medium enterprises (SMEs), microenterprises and individuals affected by the pandemic and the recent Movement Control Order (MCO) through its latest repayment assistance programme.<br><br>Borrowers that have lost their job, B40 borrowers that are recipients of Bantuan Sara Hidup (BSH)/ Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), microenterprises with approved loan/ financing facilities of less than RM150,000, SMEs and microenterprises that are not allowed to operate due to movement restrictions will be eligible to select either a three-month repayment moratorium or six months of 50% | https://www.theedgemarkets.com/article/ocbc-pledges-continue-helping-affected-borrowers-repayment-assistance-programme |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | reduced instalment repayment assistance.<br><br>Meanwhile, those in the M40 and T20 segments who have suffered a reduction in income will also be eligible to lower loan/financing instalments. | |
| 4. | **The Edge Market**<br><br>**9 Jun 2021**<br><br>*(Non-essential)* | **Banks need to give clear explanation about moratorium to affected M40, says Mustapa**<br><br>The Association of Banks in Malaysia (ABM) needs to provide a clear explanation about the moratorium for middle 40% income group (M40) earners affected by the movement control order (MCO) 3.0. Many are expecting a blanket moratorium as done last year. For micro, small and medium enterprises (MSMEs), there's no problem. But for affected M40 income earners, who are struggling financially from a lack of income can also apply and the banks have assured that they will continue to help. | https://www.theedgemarkets.com/article/banks-need-give-clear-explanation-about-moratorium-affected-m40-says-mustapa |
| 5. | **The Edge Market**<br><br>**9 Jun 2021**<br><br>(*Non-essential*) | **Maybank continues to offer repayment assistance to customers affected by MCO**<br><br>Malayan Banking Bhd (Maybank) has extended its repayment assistance packages to its customers who are affected by the Movement Control Order (MCO) and impact of the Covid-19 pandemic. Repayment assistance packages included | https://www.theedgemarkets.com/article/maybank-continues-offer-repayment-assistance-customers-affected-mco |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | loan deferment (moratorium) for a period of three months, or a 50% reduction, in the monthly instalment payment for a period of six months.<br><br>This is available to all individual B40 customers<br>who are registered under the Bantuan Sara Hidup (BSH)/ Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) programme (whether they have lost their jobs) and customers from any income segment who have lost their jobs as a result of the pandemic or MCO. | |
| 6. | **The Edge Market**<br><br>**8 Jun 2021**<br><br>(*Non-essential*) | **Govt channelling RM5.08b to micro SMEs under GKP, payment of RM1.5b starts on June 10**<br><br>A total of RM5.08 billion has been and will be channelled to nearly one million micro small and medium enterprises (micro SMEs) under the Geran Khas Prihatin (GKP).<br><br>Under PEMERKASA, announced on March 17, 2021, the government decided to provide GKP 3.0 of RM1,000 to more than one million micro traders to ensure the continuity of their business, especially in managing cash flow. Additional amount of of RM500 would be disbursed under PEMERKASA Plus, increasing the total payment to RM1,500 for each micro SME to help them navigate through MCO 3.0. The total payment of GKP 3.0 is RM1.5 billion. | https://www.theedgemarkets.com/article/govt-channelling-rm508b-micro-smes-under-gkp-payment-rm15b-starts-june-10 |

Penemuan penting & isu:

1. *SME Association of Malaysia* mencadangkan 6 bulan moratorium pinjaman secara automatik tanpa faedah dan syarat diperluaskan kepada semua peminjam. Dengan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (PKP) penuh, sekurang-kurangnya 40 peratus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dijangka menutup operasi. Ramai pekerja akan diberhentikan dalam beberapa bulan ke hadapan, terutamanya pada Jun dan Julai. Cadangan tersebut adalah bagi meringankan beban perniagaan bagi urusan pembayaran sewa, gaji pekerja, bil utiliti dan sebagainya.

2. Kerajaan akan memulakan program vaksinasi kepada sektor ekonomi kritikal, terutamanya yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0. Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta pelbagai agensi bagi pelaksanaan Fasa 4. Sektor terlibat merangkumi pembuatan, eksport, logistik, pengangkutan, tenaga, utiliti dan industri berkaitan yang lain.

3. OCBC Bank (Malaysia) Bhd, bersama subsidiari OCBC Al-Amin Bank Bhd, akan meneruskan bantuan kepada PKS, perusahaan mikro dan individu yang terlibat dengan wabak dan PKP penuh melalui program bantuan bayaran semula terkini. Peminjam yang kehilangan pekerjaan, peminjam B40 yang merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH)/Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), perusahaan mikro dengan kelulusan pinjaman kurang daripada RM150 ribu, PKS dan perusahaan mikro yang tidak dibenarkan beroperasi disebabkan sekatan pergerakan layak memilih bantuan moratorium pembayaran semula 3 bulan atau 50 peratus pengurangan bayaran balik selama 6 bulan. Kelompok M40 dan T20 yang terjejas pengurangan sumber pendapatan juga layak bagi pengurangan bayaran semula pinjaman.

4. *Association of Banks in Malaysia* (ABM) perlu memberi penjelasan jelas mengenai moratorium bagi kumpulan M40 yang terjejas dengan PKP 3.0. Bagi kumpulan M40 yang mengalami pengurangan pendapatan juga boleh memohon dan bank akan memastikan kumpulan ini akan terus dibantu.

5. Malayan Banking Bhd (Maybank) melanjutkan pakej bantuan bayaran balik kepada pelanggan yang terjejas dengan pelaksanaan PKP dan impak COVID-19. Pakej termasuk meliputi moratorium selama 3 bulan atau 50 peratus pengurangan bayaran balik selama 6 bulan. Pakej ini layak kepada semua pelanggan B40 yang berdaftar di bawah program Bantuan Sara Hidup (BSH)/ Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) (sama ada telah kehilangan pekerjaan) dan pelanggan yang telah kehilangan pekerjaan kesan daripada pandemik.

6. Sejumlah RM5.08 bilion telah dan akan disalurkan kepada hampir 1 juta PKS di bawah Geran Khas Prihatin (GKP). Di bawah PEMERKASA, kerajaan menyatakan pemberian GKP 3.0 iaitu RM1,000 kepada lebih 1 juta peniaga mikro untuk menjamin kelangsungan perniagaan dan bagi menguruskan aliran tunai. Tambahan RM500 di bawah PEMERKASA Plus dan peningkatan kepada RM1,500 buat setiap PKS mikro bagi membantu mereka yang terkesan dengan PKP 3.0. Jumlah pembayaran GKP 3.0 ialah RM1.5 bilion.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan April 2021 yang diterbitkan pada 9 Jun 2021 adalah seperti berikut:

   i) Tenaga buruh: 16,094.7 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,352.0 ribu
   iii) Penganggur: 742.7 ribu
   iv) Luar tenaga buruh: 7,376.8 ribu
   v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
   vi) Kadar pengangguran: 4.6 peratus

2. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:

   i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
   iii) Penganggur: 771.8 ribu
   iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
   v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

3. Berikut merupakan statistik penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan yang diterbitkan menerusi Laporan Tenaga Buruh bagi tempoh ST1 2021:

   i) Majikan: 491.4 ribu (Sumbangan: 3.2%)
   ii) Pekerja: 11,941.4 ribu (Sumbangan: 78.4%)
   iii) Bekerja sendiri: 2,351.8 ribu (Sumbangan: 15.4%)
   iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 452.0 ribu (Sumbangan: 3.0%)

4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST1 2021:

   i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,260 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,348 ribu (52.6%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,160 ribu (26.1%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,234 ribu jawatan diisi (15.0%).

ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,560 ribu (18.9%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 904 ribu (10.9%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 786 ribu (9.5%).

iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 564 ribu (6.8%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 412 ribu (5.0%).

iv) Pewujudan jawatan adalah sebanyak 17.4 ribu, di mana tertinggi direkodkan di sektor Pembuatan dengan 7.8 ribu (42.4%) dan diikuti dengan sektor Perkhidmatan dengan 6.4 ribu (36.6%).

5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:

i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)

6. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)